



JAKARNA
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Made with
Visual Paradigm
For non-commercial use
UiTMSarawak

MAY 2024
INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulewarman University
Indonesia



Bengkel Pemurnian Semakan Kurikulum Program Diploma Akuakultur & Diploma Pengeluaran Herba UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah

Disediakan oleh
Muhamad Syukrie Bin Abu Talip

Bengkel Pemurnian Semakan Kurikulum program Diploma Akuakultur dan Diploma Pengeluaran Herba telah diadakan di Hotel Dynasty, Miri pada 21 hingga 23 Mei 2022. Pengajuran bengkel ini adalah bertujuan untuk membuat semakan struktur kurikulum dan kandungan kursus yang digunakan oleh kedua-dua program akademik ini. Hasil semakan kurikulum akan memastikan struktur program dan kandungan kursus program akademik sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan industri.

Ketua Kurikulum (UHEK) UiTM iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Wan Abdul Rahim Wan Isa telah hadir dalam bengkel semakan ini bagi membantu pihak fakulti untuk memastikan proses dan keperluan semakan kurikulum memenuhi kriteria yang dikehendaki oleh universiti. Selain itu, semakan kurikulum ini adalah berdasarkan kriteria HighEnd-TVET (Model Badan Profesional) yang bertujuan untuk mendapatkan akreditasi badan profesional seperti MBOT. Kurikulum yang mendapat akreditasi Badan Profesional adalah perlu bagi meningkatkan kompetensi pelajar berdasarkan keperluan



Barisan Pengurusan Kanan UiTM dan Pensyarah Sumber Program AT112 & AT117

industri dan seterusnya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Oleh yang demikian, pihak pengajuran juga telah menjemput Ketua Akreditasi (UHEK) UiTM iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Noraini Seman untuk membantu fakulti dalam usaha ini.

Hasil semakan kurikulum ini telah dibentangkan oleh Ketua Pusat Pengajaran Sains, Perladangan dan Agroteknologi iaitu En. Muhamad Syukrie b. Hj. Abu Talip kepada Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UiTMCS

(Prof. Dr. Firdaus Abdullah), Timbalan Dekan Akademik FPA (Ts. Dr. Fazleen Abdul Fatah), Penolong Rektor Kampus Mukah (Prof. Madya Dr. Saimi Bujang), Ketua Unit Kualiti (En. Yussri Sawani), Penyelaras Jawatankuasa Hal Ehwal Kurikulum UiTMCS (Dr. Siti Nor Ain Seri Masran) dan semua pensyarah sumber kedua-dua program. Sesi penutupan bengkel dan penyampaian cenderahati kepada panel jemputan telah disempurnakan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa UiTMCS pada penghujung bengkel.